

Ng Sing Yee
yee.mika@yahoo.com

1. TAJUK INOVASI

GAMBAR & KARAKTER CINA (Bahasa Cina (SK))
(Tempat Pertama Kategori Pelajar Guru)

2. OBJEKTIF

1. Menggabungkan teknik melukis dalam kaedah “Tafsiran Gambar” untuk membimbing pelajar sekolah kebangsaan (rendah) mengingati bentuk perkataan Bahasa Cina.
2. Menggabungkan teknik melukis dalam kaedah “Tafsiran Gambar” untuk meningkatkan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran mengenali bentuk perkataan Bahasa Cina.

3. KEDUDUKAN SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN

Saya merupakan seorang guru pelatih IPG Kampus Batu Lintang dari kumpulan Bahasa Cina (SK) Ambilan januari 2013 yang telah mengajar mata pelajaran Bahasa Cina di Sekolah kebangsaan St. Thomas.

Melalui pengalaman mengajar Bahasa Cina di Sekolah Kebangsaan Rendah daripada tiga fasa praktikum yang lalu, saya mendapati bilangan kuantiti perkataan yang dikenali pelajar agak kurang. Pelajar juga didapati kurang berminat untuk belajar perkataan cina.

Antara penyebab kemunculan fenomena ini adalah kerana pelajar belajar Bahasa Cina atas paksaan mengikut permintaan standard pembelajaran sekolah rendah. Selain itu, pelajar sekolah kebangsaan (rendah) mempelajari perkataan bahasa cina secara terus tanpa pengetahuan asas terhadap asal-usul dan makna dalam gabungan dan rekaan bentuk sesuatu tulisan tersebut. Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran perkataan cina, guru biasanya akan terus memaparkan sesuatu perkataan cina, menerangkan maknanya menerusi lisan, gambar atau gerakan untuk membantu pemahaman murid. Selepas itu, murid akan diminta untuk menghafal bentuk, sebutan bunyi dan makna perkataan secara hafalan atau menulis hanya perkataan tersebut. Oleh yang demikian, bagi pelajar, perkataan cina seolah-olah simbol yang kompleks dan susah untuk diingati. Ini kerana ia terdiri daripada pelbagai perkataan cina.

4. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI

Melalui hasil temu bual dengan guru pembimbing, saya mendapati dalam aspek mengenali perkataan cina, masalah yang dihadapi murid adalah mereka susah membuat perkaitan antara bentuk, bunyi dan maksud


perkataan cina tertentu. Murid dapat mengingati sesuatu perkataan cina yang baru dipelajari, tetapi mudah lupa selepas satu jangka masa.

Berdasarkan pemerhatian awal terhadap sesi pembelajaran perkataan cina kelas tahun empat pula, didapati bahawa dalam aktiviti “Angkat Kad Perkataan berdasarkan Sebutan Guru” hanya terdapat 30% murid yang mendapat jawapan betul berdasarkan sebutan perkataan guru sepanjang lima pusingan aktiviti tersebut dilaksanakan. Hal ini menunjukkan murid lemah dan tidak dapat mengenal bentuk perkataan cina berdasarkan sebutan bunyi perkataan tersebut.

Berikut merupakan contoh hasil kerja murid-murid sebelum inovasi dilaksanakan:



Rajah. 3.1



Rajah. 3.2

Melalui analisis awal terhadap hasil kerja murid, boleh didapati bahawa murid dapat membuat padanan yang betul antara sebutan bunyi perkataan cina “pin yin” dengan gambar yang melambangkan maksud sesuatu perkataan. Tetapi murid membuat banyak padanan yang salah antara bentuk perkataan cina dengan sebutan bunyinya “pin yin”. Ini telah membuktikan bahawa murid masih boleh faham perkataan cina melalui sebutan bunyi, tetapi lemah untuk mengingatkan bentuk perkataan cina tersebut.

Sebagai kesimpulannya, murid mengenali perkataan Bahasa Cina melalui usaha membuat perkaitan dari tiga aspek iaitu antara sebutan bunyi, bentuk dan maksud perkataan tersebut. Manakala, masalah utama murid untuk mengenali perkataan Bahasa Cina adalah murid lemah dalam membuat perkaitan reka bentuk sesuatu perkataan dengan sebutan bunyi dan maknanya.

5. INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

Inovasi ini merupakan inovasi Pembelajaran dan pengajaran melalui usaha menggabungkan strategi melukis dalam kaedah “Tafsiran Gambar”

untuk membimbing pelajar sekolah kebangsaan rendah mengingatkan bentuk perkataan Bahasa Cina.

5.1 INOVASI PENDEKATAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Menurut Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), mengenali perkataan cina merupakan asas untuk segala aktiviti seperti membaca, menulis, mendengar dan kumunikasi. Ia merupakan matlamat utama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina untuk sekolah rendah.

Inovasi ini adalah inovasi Pembelajaran dan pengajaran menyeronokan yang bersesuaian dengan fitrah kanak-kanak yang suka akan aktiviti melukis serta berfikir secara konkrit. Menurut Jin Jiao (2012), kanak-kanak berfikir menerusi warna, imej atau bahan secara konkrit. Seterusnya, Zheng Yan (2013), Cui Yong Hua (2010), Liu Xun (2000) dan Richard Sears(2011) menganggap perkataan cina merupakan bentuk simbol yang kompleks. Mereka bersama sokong bahawa strategi mengenali perkataan bahasa cina melalui tafsiran gambar dapat membantu kanak-kanak mengenali maksud perkataan Bahasa Cina melalui kisah penghasilan reka bentuk perkataannya.

Menurut ahli psikologi kanak-kanak dari England, Diane Waller (2014) mengatakan bahawa sifat minat merupakan dorongan utama untuk belajar. Malah untuk kanak-kanak sememangnya ada minat yang tinggi dalam aktiviti melukis. Seterusnya, Yi Zhong Zhe (2006) dalam tesisnya tentang "Perbincangan tentang Teori Jean Piaget dalam Perkembangan Kognitif Kanak-kanak" telah mengatakan bahawa kanak-kanak akan belajar melalui pengalaman diri untuk meneroka dan menguasai persekitarannya. Oleh itu, saya akan menerapkan aktiviti melukis yang membawa unsur minat dan penglibatan diri pelajar menerusi keinginan dan kawalan dirinya secara langsung dalam pembelajaran menerusi kaedah "Tafsiran Gambar" yang memaparkan maksud bentuk sesuatu perkataan yang asalnya bersifat abstrak kepada bahan bersifat konkrit menerusi imej gambar yang jelas dengan warna.

Shi Jin Gui Shi (2015) mengatakan bahawa cara paling baik untuk mengingat adalah menerusi penggunaan warna untuk mengaktifkan fungsi mengingat melalui otak kanan. Fang Zi Jie (2015) dan Xin Fang(2015) juga berpendapat bahawa otak kanan manusia menguasai ingatan melalui imej, warna serta dapat mengendali maklumat secara terus malah bertransformasi menjadi ingatan jangka panjang. Menerusi fakta demikian, maka kaedah "Tafsiran Gambar" dan aktiviti melukis yang banyak bergantung kepada penyampaian imej dan warna secara konkrit boleh dianggap dapat membantu pelajar mengenali, meningat serta memahami bentuk perkataan Bahasa Cina dengan efektifnya.

Seterusnya, kos pembelajaran penyediaan kertas untuk menghasilkan bahan imej transformasi asal-usul perkataan Cina, lembaran kerja dan

kertas melukis adalah sangat sedikit iaitu berjumlah RM14. Malah segala proses penghasilan bahan disediakan oleh saya sendiri.

5.2 DESKRIPSI INOVASI

Kaedah “Tafsiran Gambar” adalah satu cara penyampaian maklumat asal usul dan transformasi reka bentuk sesuatu perkataan cina, membantu pelajar membezakan bentuk perkataan cina yang amat serupa menerusi pemaparan gambar yang jelas dan berwarna. Antara tiga jenis alatan penyampaian yang digunakan adalah “Kad Transformasi Perkataan”, “Gambar Perkataan dengan Unsur Bahagian yang Sama” dan “Gambar Pembezaan Bentuk Perkataan Serupa”. Semua bahan ini boleh dihasilkan oleh guru sendiri, manakala bahan pengajaran dan maklumat seperti gambar dan asal usul perkataan tersebut boleh didapati melalui buku berkenaan atau muat turun dari internet. Guru boleh menggunakan bahan bantu mengajar ini secara berulang menerusi cara penyampaian yang pelbagai, malah senang juga diguna pakai oleh guru yang lain.

Seterusnya, penerapan kaedah “Mengenali Perkataan Cina melalui teknik Melukis” sebenarnya telah diubahsuai dan diinovasikan dari strategi pengajaran dan pembelajaran tentang “Mengarang Menerusi teknik Melukis” yang selalu digunakan untuk membantu pelajar Sekolah Kebangsaan Cina untuk menulis ayat dan mengarang. Teknik melukis ini bukan sahaja memenuhi keperluan minat pelajar dalam bidang seni, malah dapat mewujudkan satu peluang atau proses pengukuhan hasil pembelajaran perkataan cina melalui aktiviti lukisan yang menarik disamping membantu ingatan kanak-kanak menerusi pengalaman diri mereka untuk melibatkan diri dalam proses melukis menerusi penggunaan warna yang mengaktifkan daya ingatan otak kanan.


5.3 TARIKH DAN KOS


Inovasi ini dilaksanakan pada 28 Mac hingga 8 April 2016 sempena praktikum 3 di Sekolah Kebangsaan St.Thomas. Kos pembelajaran untuk menghasilkan alat bantu mengajar “Tafsiran Gambar” adalah seperti jadual di bawah.

	Bahan	Unit x Harga (RM)	Kos (RM)
1	Kertas A4 <ul style="list-style-type: none">• Kertas Penampilan Tafsiran Gambar• Latihan Pengukuhan (Aktiviti Melukis)	1 x 8.00	8.00
2	<i>Printing Ink</i>	50 x 0.20	10.00
		Kos Keseluruhan	RM 18.00

5.4 STRATEGI PENGGUNAAN INOVASI

Untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menerusi kaedah “Tafsiran Gambar,” secara keseluruhannya saya telah menggunakan langkah pengajaran dan alat bantu mengajar seperti “Kad Transformasi Perkataan” yang diutarakan oleh Shen Xiao Fen (2014) dalam jurnalnya “Kajian Tindakan Tentang Kaedah Tafsiran Gambar Untuk Meningkatkan Kemampuan Murid Sekolah Kebangsaan Untuk Mengenali Perkataan Cina.” Seterusnya, saya juga menerapkan penggunaan alat bantu mengajar “Gambar Pembezaan Bentuk Perkataan Serupa” yang diutarakan oleh Xu Ruo Fang (2014) “Kaedah Tafsiran Gambar Sebagai Strategik Penyelamat Untuk Pengajaran” sebagai strategi penjelasan saya untuk memperkenalkan perkataan cina yang amat mirip bentuknya. Saya juga menggabungkan strategik melukis yang digunakan oleh Li Yi Fang (2014) menerusi jurnalnya “Mengenali Perkataan Cina oleh Pelajar Tahun Dua Sekolah Kebangsaan Menerusi Imej Gambar” sebagai aktiviti pengukuhan dalam langkah pengajaran dan pembelajaran inovasi ini. Seterusnya, saya juga mereka lembaran kerja berdasarkan maklumat dari Shen Xiao Fen (2014) dan Lin Jia Yi (2011) dengan jurnalnya yang bertajuk “Pengajaran Perkataan Cina Dengan Gambar Imej Menerusi Media Yang Berlainan.”


Rancangan Pengajaran dan pembelajaran	
Bahan:	Perkataan Cina tahun 4
Alat bantu mengajar:	1) Kad perkataan Cina 2) “Kad Transformasi Perkataan”(Shen Xiao Fen (2014) dalam jurnalnya “Kajian Tindakan Tentang Kaedah Tafsiran Gambar Untuk Meningkatkan Kemampuan Murid Sekolah Kebangsaan Untuk Mengenali Perkataan Cina.”)
Langkah Rekaan Pengajaran dan Pembelajaran	
Langkah	Kandungan
Set Induksi	1) Guru melekatkan gambar asal usul perkataan di depan papan putih. 2) Guru memberikan pelajar perkataan cina dan meminta mereka membuat padanan antara gambar dengan perkataan cina. kad perkataan:    Gambar :   
Langkah pertama (pengajaran tentang perubahan sal usul perkataan)	1) Guru memberi peluang pelajar menjelaskan sebab padanan antara gambar dan perkataan yang telah dilaksanakan.Selepas itu, guru mengumumkan jawapan padana yang betul dan membuat penjelasan yang teliti unutk semua perkataan seperti“网”,“羽”dan“足”. i. Memjelaskan perubahan asal usul perkataan Contoh pertama: “网”
	

	 <p>ii. Menjelaskan maksud perkataan dan membimbing pelajar memahami bahagian yang serupa antara gambar dengan perkataan. iii. Membaca sebutan bunyi perkataan dan melatih unsur maju tulisan perkataan. iv. Melaksanakan aktiviti melukis berdasarkan perkataan yang diberi sebagai langkah pengukuhan .</p>
Langkah kedua (aktiviti pengukuhan)	<p>1) Mencari “Mr. Right”. 2) Aktiviti “Mengenal pasti bentuk perkataan menerusi sebutan bunyi.”</p>
Penutup Pelaksanaan lembaran kerja.	<p>1) Mengulang kaji bentuk, sebutan bunyi dan maksud semua perkataan yang telah diajar. 2) Guru memberi lembaran kerja dan menjelaskan cara membuat aktiviti tersebut.</p> <p>i) Mencari Asal Usul Perkataan “文字祖先对对碰”</p> 

Lembaran Kerja
Pengujian ingatan jangka panjang pelajar di luar kelas:
 (Dilaksanakan selepas satu minggu pengajaran dan pembelajaran dijalankan.)

1. Melaksanakan lembaran kerja untuk menguji ingatan jangka panjang pelajar terhadap perkataan yang telah dipelajari.

i Membaca Sebutan Bunyi ii Pagar Sesat Mencari Bunyi Perkataan iii Melukis Gambar Maksud Perkataan



Hasil lukisan murid mengikut perkataan cina yang diberi:



Rajah. 5.3.1



Rajah. 5.3.2



Rajah. 5.3.3

5.5 KEADAAN SELEPAS INOVASI

Saya telah menjalankan kaedah inovasi ini dari 28 Mac hingga 8 April 2016. Dalam masa dua minggu ini, saya telah melaksanakan tiga pusingan pengajaran dan pembelajaran untuk mengajar sepuluh perkataan cina. Berikut merupakan proses inovasi Pdp ini dijalankan.




Rajah. 5.4.1

Melalui pemerhatian dan koleksi data yang dibuat terhadap pelajar seperti dalam jadual 5.4.2, selepas guru membuat pengajaran melalui kaedah "Tafsiran Gambar" bergabung dengan aktiviti pengukuhan "Melukiskan Perkataan Cina", didapati bahawa murid dapat mengecapi kemajuan yang tinggi dalam usaha mengenali karakter cina.


Peratusan purata murid yang mendapat jawapan betul 3 Aspek	Sebelum Inovasi	Selepas inovasi		
		Pusingan 1	Pusingan 2	Pusingan 3
Pemerhatian "Angkat Kad Karakter berdasarkan Sebutan Guru"	30 %	80 %	93 %	75%
Hasil lembaran kerja dalam masa Pdp tersebut	30%	100 %	100 %	83%
Dapatkan hasil kerja pengujian ingatan jangka masa panjang (dikutip selepas jangka masa 1 minggu)	28%	90 %	90 %	76%

Jadual. 5.4.2

Di samping itu, melalui temu bual dengan murid berkenaan, mereka berkongsi pengalaman bahawa mereka dapat membayangkan bentuk perkataan cina tersebut kerana dapat memahami asal-usul perubahan perkataan cina tersebut. Seterusnya, secara tidak langsung mereka juga dapat membayangkan maksud yang dilambangkan dalam setiap bahagian bentuk perkataan cina tersebut dengan gambar yang pernah dilihat melalui pengalaman melukiskan perkataan tersebut. Bahkan, mereka juga bersetuju dan harapkan guru boleh melaksanakan kaedah tersebut lagi dalam kelas yang seterusnya kerana mereka berasa seronok dapat mengenali mengenali sejarah perkataan tersebut menerusi gambar ditambah lagi aktiviti melukis yang santai dan seronok mewujudkan suasana pembelajaran yang senang hati. Selepas itu, contoh hasil kerja pengujian ingatan jangka panjang pelajar selepas inovasi adalah seperti berikut:



Rajah. 5.4.1



Rajah. 5.4.2

Melalui analisis terhadap hasil kerja murid dalam gambar 5.4.1 dan 5.4.2, boleh didapati bahawa murid dapat membuat padanan yang betul antara dengan gambar asal usul yang melambangkan maksud sesuatu perkataan.



Rajah. 5.4.3



Rajah. 5.4.4



Rajah. 5.4.5

Seterusnya, melalui analisis terhadap hasil kerja murid dalam rajah 5.4.3, 5.4.4 dan 5.4.5 pula, boleh didapati bahawa murid dapat melukiskan lukisan yang betul untuk menjelaskan maksud perkataan cina yang dipaparkan menerusi lukisan yang mirip dengan gambar asal usul yang melambangkan maksud perkataan-perkataan yang telah dipelajari.

Sebagai kesimpulannya, murid-murid dapat mengenali perkataan Bahasa Cina melalui usaha membuat perkaitan antara bentuk sesuatu perkataan cina dengan perubahan asal-usulnya melalui gambar. Di samping itu, aktiviti melukis juga menunjukkan kesan yang baik untuk membantu murid mengingati maksud perkataan tersebut melalui penggunaan warna menerusi pengalaman penglibatan diri mereka dalam karya lukisan perkataan cina yang dihasilkan sebagai langkah pengukuhan.

5.6 PERKONGSIAN INOVASI

Inovasi ini telah dikongsi dengan semua warga IPG Kampus Batu Lintang sempena Pertandingan Inovasi PdP Pensyarah dan Pelajar Guru Peringkat IPG Kampus Batu Lintang 2016 pada 20 April 2016 dan Pameran Bahan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran sempena Karnival PAK-21 yang dilaksanakan pada 20 Ogos 2016. Inovasi PdP ini juga dikongsikan dengan guru dan murid-murid di SK St. Thomas.


			
Pertandingan Inovasi PdP Pensyarah dan Pelajar Guru Peringkat IPG Kampus Batu Lintang 2016	Perkongsian Inovasi PdP dengan guru dan murid-murid di SK St. Thomas.		

				
Pameran Bahan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran sempena Karnival PAK-21				

Inovasi ini juga dikongsi dengan guru-guru dan pegawai-pegawai Jabatan pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) dalam Pameran & Inovasi Pendidikan Sempena Sambutan Hari Guru 2016 Peringkat Negeri Sarawak yang telah berlangsung pada 25 Mei 2016 di *Summer Mall*, Kota Samarahan.

		
Pameran & Inovasi Pendidikan Sempena Sambutan Hari Guru 2016 Peringkat Negeri Sarawak.		

Inovasi ini juga boleh dikongsi dengan guru Bahasa Cina dari sekolah kebangsaan rendah yang lain untuk mengajar perkataan bahasa cina. Selain itu, aktiviti pengukuhan dengan aktiviti melukis juga boleh dikongsi dengan guru mata pelajaran yang lain sebagai peningkatan ingatan pelajar dalam hasil pembelajaran mereka. Seperti contoh untuk mata pelajaran matematik, untuk mengajar huruf bagi pelajar tahap rendah, guru tersebut boleh memberi kanak-kanak melukis atas huruf mengikut kreativiti murid seperti contoh gambar dibawah:



6. FAEDAH-FAEDAH DARIPADA INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

Menerusi strategi penggunaan inovasi untuk mengenali bentuk perkataan cina menerusi teknik “Tafsiran Gambar Bersama Stragik Melukis,” beberapa faedah dan kelemahannya telah dikenalpasti. Beberapa pendapat guru pembimbing dan rakan praktikum mengenai kekuatan dan kelemahan penggunaan kaedah ini dalam PdP perkataan cina telah diringkaskan seperti berikut:

a) Kekuatan

- i. Kaedah “Tafsiran Gambar” memenuhi fitrah kanak-kanak yang berfikir secara konkret.
- ii. Kaedah “Tafsiran Gambar” dapat membantu pelajar yang tiada latar belakang atau pengetahuan tentang budaya cina untuk memahami bentuk perkataan cina beransurkan asal-usul perubahan sesuatu perkataan tersebut.
- iii. Aktiviti pengukuhan melalui aktiviti melukis memenuhi minat kanak-kanak yang suka melukis.
- iv. Aktiviti pengukuhan melukis juga mewujudkan suasana seronok, peluang malah memupuk amalan murid belajar secara kendiri.
- v. Penggunaan warna dalam penampiran “Tafsiran Gambar” dan proses melukis dapat meningkatkan ingatan murid terhadap hasil pembelajaran perkataan cina.
- vi. Kos pembelajaran untuk menghasilkan alat bantu mengajar “Tafsiran Gambar” amat rendah.
- vii. Cara penghasilan alat bantu mengajar “Tafsiran Gambar” amat senang melalui buku berkenaan atau muat turun dari sumber internet.
- viii. Inovasi ini juga boleh diubah cara penyampaianya untuk dijadikan satu kaedah pembelajaran untuk mata pelajaran yang lain.

b) Kelemahan dan Penambahbaikan

- i. Kaedah inovasi ini lebih membantu dari aspek mengingati bentuk perkataan cina, tetapi kurang berkesan untuk mengingati sebutan bunyi perkataan cina tersebut. Dicadangkan agar menerapkan aktiviti melukis dengan melukis huruf sebutan bunyi “pin yin” sesuatu perkataan di bawah lukisan yang melambangkan maksudnya.

Rujukan

Cui Yong Hua (2010). *Teknik Pengajaran Bahasa Cina* 汉语课堂教学技巧。Penerbit Universiti Bahasa BeiJing 北京语言大学出版社。

Diane Waller (2014). Art Therapy for Children: How It Leads to Change. Dimuat turun dari <http://www.marianhilgeman.nl/wpcontent/uploads/2014/03/art-therapy-children1.pdf>

Fang Zi Jie (2015). *Peningkatan daya ingatan Untuk Menghadapi Ujian* 考试来袭脑力温习加把劲。Dimuat turun dari <http://stedu.stheadline.com>

Jin Jiao (2012). *Kajian Pelaksanaan Mengarang Berdasarkan Gambar Lukisan Untuk Pelajar Tahap Rendah Di Sekolah Rendah* 小学低段“图画作文”教学的实践研究结题报告。Dimuat turun dari <http://hdxx.yyedu.gov.cn/newsInfo.aspx?pkId=3327>

Li Yi Fang (2014). *Mengenali Perkataan Cina oleh Pelajar Tahun Dua Kebangsaan Menerusi Imej Gambar.* 国小二年级国语文低成就学童图象识字教学之研究. Dimuat turun dari <http://gahi.ntua.edu.tw/>

Lin Jia Yi (2011). *Pengajaran Perkataan Cina Dengan Gambar Menerusi Media Yang Berlainan.* 应用不同教学媒体之图像化识字策略对国小识字困难儿童识字成效之研究. Dimuat turun dari <http://ndltd.ncl.edu.tw/>

Liu Xin (2000) . *Teori Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua.* 对外汉语教育学论. Penerbit Universiti Bahasa BeiJing.北京语言大学出版社。

Richard Sears (2011). *Chinese Etymology.* Dimuat turun dari http://www.chineseetymology.org/why_study_Chinese.aspx

Shen Xiao Fen (2014). *Kajian Tindakan Tentang Kaedah Tafsiran Gambar Bagi Meningkatkan Kemampuan Murid Sekolah Kebangsaan Untuk Mengenali Perkataan Cina.* 图解识字教学提升国小学童识字能力之行动研究。Dimuat turun dari <http://ndltd.ncl.edu.tw/cgibin>

Shi Jin Gui Shi (2015). *Daya Ingatan Dalam Masa 1 Minit* 《1分鐘超強記憶》. Penerbit Shi Bao 时报出版。

Xin Fang (2014. *Imaginasi Mentadbir Dunia* 想象力统治世界。Nan Wen Bo Ya 南文博雅。

Xu Ruo Fang (2014). *Kaedah Tafsiran Gambar Sebagai Strategik Penyelamat Untuk Pengajaran.* 图解识字法应用于补救教学之个案研一以彰化县某国小三年級学童为例.Dimuat turun dari <http://ndltd.ncl.edu.tw/cgibin/gs32/gsweb.cgi>

Yi Zhong Zhe (2006). *Perbincangan tentang Teori Jean Piaget dalam Perkembangan Kognitif Kanak-kanak*"论皮亚杰儿童认知发展理论中的辩证法思想。山西师范大学教育与心理科学学院,山西.Dimuat turun dari <http://202.116.42.39/xxjy/xxjy2/content/wenjian>

Zheng Yan (2013). *Teori Perkataan Bahasa Cina dan Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua.* 汉字的理据与对外汉字教学. Dimuat turun dari <http://www.jyjxyj.shu.edu.cn/Portals>